

HASiL/2026/02/02 – 09

HASIL PERKUKUH PEMATUHAN CUKAI MELALUI PERTUKARAN MAKLUMAT AKAUN KEWANGAN LUAR NEGARA

CYBERJAYA, 2 FEBRUARI 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) sentiasa komited dalam memastikan sistem percukaian negara ditadbir secara telus, berintegriti dan selaras dengan piawaian percukaian antarabangsa.

Dalam usaha memastikan pematuhan cukai serta menangani isu pelarian cukai rentas sempadan, HASiL telah bekerjasama dengan lebih 100 negara melalui pertukaran maklumat akaun kewangan antarabangsa untuk mengenal pasti potensi ketidakpatuhan, terutamanya pendapatan dan aset di luar negara.

Susulan daripada pertukaran maklumat tersebut, HASiL telah mengenal pasti seramai **14,858 orang pemastautin cukai Malaysia** dengan **jumlah keseluruhan baki akaun kewangan luar negara melebihi RM10 bilion**, namun tidak mengemukakan pelaporan cukai melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Akaun kewangan luar negara dengan baki yang signifikan berkenaan turut melibatkan beberapa negara seperti Luxembourg, Hong Kong, Guernsey, Cayman Islands, Bahamas dan Bermuda.

Sehubungan dengan itu, HASiL telah menghantar peringatan kepada pemastautin cukai berkenaan sebagai pendekatan galakan pematuhan secara sukarela (nudging), di samping memberi ruang untuk membuat semakan dan pengisytiharan pendapatan sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

Pemastautin cukai Malaysia yang mempunyai pendapatan belum dilaporkan dan mempunyai akaun kewangan luar negara daripada sumber pendapatan yang sepatutnya dikenakan cukai di Malaysia digalakkan untuk tampil secara sukarela dalam tempoh terdekat bagi membuat pelaporan dan pematuhan yang sewajarnya, sekali gus mengelakkan penalti serta tindakan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

HASiL kekal teguh dalam menjalankan mandatnya mengikut kerangka perundangan negara, menjunjung prinsip keadilan, ketelusan dan profesionalisme dalam setiap tindakan. Dengan pendekatan berstrategi dan kerjasama semua pihak, HASiL akan terus memperkukuh tadbir urus percukaian negara demi kepentingan rakyat dan pembangunan negara.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.



Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 2 Februari 2026